A

WESTECH SDN BHD

lwn.

THONG KEE TRADING COMPANY

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
SURIYADI HALIM OMAR H
[RAYUAN SIVIL NO: MT1-12-239-2003]
15 MEI 2006

C ***PROSEDUR SIVIL:*** *Penghakiman dan perintah - Penguatkuasaan - Tempoh masa - Perintah tidak menetapkan tempoh masa untuk pelaksanaan perintah - Sama ada plaintif boleh menetap tempoh masa sendiri - Sama ada perlu memohon perintah spesifik tempoh masa untuk melaksanakan perintah - Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 30 k. 4, A. 31 k. 4(a)*

D ***PROSEDUR SIVIL:*** *Penghakiman dan perintah - Penguatkuasaan - Defendan diperintah mengembalikan barangan plaintif atau membayar gantirugi - Tawaran memulangkan barangan - Sama ada wajib diterima oleh plaintif - Plaintif menuntut gantirugi dan memfail writ penyitaan - Sama ada tidak teratur - Sama ada melangkaui prosedur - Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, A. 30 k. 4, A. 31 kk. 4(a) - Akta Kontrak 1950, s. 68*

E

Pada 20 Januari 1998, Mahkamah Sesyen Shah Alam dalam satu keputusan telah memerintahkan defendan memulangkan 195 silinder gas kosong kepada plaintif atau membayar gantirugi sebanyak RM68,000 jika gagal berbuat demikian. Penghakiman tersebut tidak memberikan tempoh
F masa dalam mana ia perlu dipatuhi oleh defendan. Kira-kira tujuh bulan kemudian, iaitu pada 22 Ogos 1998, plaintif menghantar notis meminta defendan menyerahkan silinder gas dalam tempoh tujuh hari, dan jika gagal diminta membayar gantirugi sebanyak RM68,000 dengan kos. Notis tidak dipatuhi oleh defendan dan tiada apa-apa tindakan pelaksanaan
G diambil oleh plaintif. Kemudian, pada 28 Julai 2001, plaintif mengambil langkah untuk menguatkuasakan penghakiman dengan memfail writ penyitaan dan penjualan terhadap defendan. Tidak jelas apakah yang berlaku kepada writ. Apapun, pada 8 Ogos 2002, defendan memaklumkan kepada plaintif bahawa ia bersedia untuk menyerahkan silinder-silinder
H tanpa prejudis dan meminta plaintif menentukan masa dan tempat penyerahan. Plaintif bagaimanapun menolak tawaran defendan, sekaligus meminta defendan membayar gantirugi bersekali dengan faedah dan kos. Berikutnya, pada 8 Oktober 2002, defendan memfail notis memohon Mahkamah Sesyen supaya menetapkan tempoh untuk defendan
I memulangkan silinder-silinder, dan untuk satu perintah bahawa penjelasan penghakiman dicatatkan ke dalam Buku Kausa Mahkamah Sesyen Shah Alam. Permohonan bagaimanapun ditolak oleh Mahkamah Sesyen pada 1 Julai 2003.

Defendan membayar sejumlah RM68,000 kepada stakeholder dan kemudian merayu ke Mahkamah Tinggi sambil berhujah bahawa plaintif tiada opsyen untuk memilih pembayaran gantirugi sebagai ganti penyerahan silinder, kerana opsyen sedemikian hanya wujud untuk manfaat defendan semata-mata yang bebas memilih sama ada untuk memulangkan silinder atau membayar gantirugi. Dihujahkan selanjutnya, oleh kerana tiada tempoh masa yang spesifik dinyatakan di dalam penghakiman 20 Januari 1998, maka plaintif tidak boleh dengan sesuka hati menetapkan satu tempoh untuk defendan menyerahkan silinder-silinder, ataupun menolak tawaran defendan untuk menyerahkan silinder-silinder tersebut. Menurut defendan, dalam keadaan yang wujud, plaintif sepatutnya memohon kebenaran terlebih dahulu kepada mahkamah bagi menentukan tempoh masa yang munasabah.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

(1) Mengambilkira peruntukan A. 30 k. 4 dan A. 31 k. 4(a) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR'), plaintif perlu terlebih dahulu memohon kebenaran kepada Mahkamah Sesyen untuk mengeluarkan writ penghantar-serahan spesifik bagi penyerahan silinder-silinder dengan mahkamah menetapkan suatu tempoh masa kepada defendan untuk menghantar-serah, di mana perintah sedemikian boleh dikuatkuasakan melalui prosiding komital jika defendan gagal mematuhinya. Dengan kata lain, plaintif tidak boleh menetapkan tempoh masanya sendiri tanpa memohon kebenaran mahkamah terlebih dahulu bagi tujuan menguatkuasakan penghakiman. Oleh yang demikian, pemfailan writ penyitaan dan penjualan oleh plaintif adalah satu tindakan melangkau prosedur atau procedural lapse. (perenggan 8 & 9)

(2) Defendan bukan sahaja bersetuju memulangkan silinder-silinder malah telah menunjukkan kesungguhan mereka untuk mematuhi terma-terma penghakiman 20 Januari 1998. Dengan demikian, persetujuan defendan itu hendaklah dianggap sebagai telah mematuhi terma-terma penghakiman 20 Januari 1998 tersebut, dan selanjutnya mereka berhak, melalui permohonan mereka di Mahkamah Sesyen bertarikh 8 Oktober 2002, bagi satu perintah bahawa penjelasan penghakiman bertarikh 20 Januari 1998 dicatatkan ke dalam Buku Kausa Mahkamah Sesyen Shah Alam. Ini sejajar dengan peruntukan A. 31 k. 11 KMR. (perenggan 9)

(3) Adalah jelas bahawa plaintif tidak mempunyai opsyen untuk menolak penghantar-serahan silinder-silinder dan memilih bayaran gantirugi. Tiada sebarang peruntukan atau nas undang-undang yang membolehkan plaintif berbuat demikian, sementelah terma-terma

dalam penghakiman jelas menyatakan bahawa hanya jika defendan gagal menghantar-serah silinder-silinder barulah defendan berkebebasan membayar gantirugi. (perenggan 10)

(4) Defendan telah pun melakukan segala yang mampu dilakukan untuk menjelaskan penghakiman. Namun, ia telah dihalang oleh plaintif yang bulat-bulat enggan menerima penghantar-serahan silinder-silinder. Tindak tanduk plaintif jelas dirangkumi oleh peruntukan s. 68 Akta Kontrak 1950. (perenggan 11)

(4a) Oleh yang demikian, yang arif hakim Mahkamah Sesyen telah khilaf di sisi undang-undang dalam membuat perintah menolak notis permohonan defendan. Justeru, perintah bertarikh 1 Julai 2003 tersebut diketepikan dan rayuan defendan dibenarkan dengan kos di sini dan di bawah. Seterusnya, plaintif/responden hendaklah memulangkan kepada defendan/perayu wang-wang yang telah dibayar kepada peguamcara plaintif/responden sebagai stakeholder beserta dengan faedahnya sekali. (perenggan 12)

Kes-kes yang dirujuk:
Bal Mukunda v. BN Rly ILR 55 Cal [1927] Cal 652 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Contracts Act 1950, s. 68
Limitation Act 1953, s. 6(3)
Rules of the High Court 1980, O. 30 r. 4, O. 31 rr. 4(1), 11

Bagi pihak plaintif - T/n Cheah Teh & Su
Bagi pihak defendan - T/n Vendargon & Partners

Dilaporkan oleh Rose Aziz

PENGHAKIMAN

Suriyadi Halim Omar H:

[1] Ini adalah merupakan alasan penghakiman bertulis mahkamah ini berikutan pembenaran rayuan perayu/defendan ekoran daripada suatu penghakiman Mahkamah Sesyen Shah Alam bertarikh 20 Januari 1998 terhadap perayu/defendan bagi pemulangan kepada firma responden/plaintif 175 gas silinder kosong dan jika perayu/defendan gagal berbuat demikian perayu/defendan hendaklah membayar kepada responden/plaintif gantirugi berjumlah RM68,000 dengan faedah ke atasnya pada kadar 8% setahun dari 1 Februari 1986 hingga ke tarikh penyelesaian dan kos.

[2] Plaintif telahpun memulakan tindakan sivilnya sejak 18 April 1989 lagi di Mahkamah Sesyen Kuantan yang menuntut melalui pernyataan tuntutannya bagi pemulangan 195 "fire extinguisher cylinders" dan secara

alternatif, pembayaran berjumlah RM68,250 bersekali dengan faedah pada kadar 8% setahun dari 1 Februari 1989 sehingga tarikh penyelesaian dan kos. Walaubagaimanapun, tuntutan tersebut telah kemudiannya dipinda pula kepada pemulangan "empty gas cylinders" (gas silinder kosong) namun butir-butir lain tuntutan masih tidak berubah. Walaupun tidak dinyatakan dalam rekod rayuan namun apa yang jelas ialah kes tersebut akhirnya telah dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam selepas itu, iaitu dengan penghakiman Mahkamah Sesyen Shah Alam bertarikh 20 Januari 1998.

[3] Defendan yang telah tidak berpuashati dengan penghakiman Mahkamah Sesyen tersebut telah mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi tetapi rayuan tersebut telahpun ditolak oleh Mahkamah Tinggi pada 15 Jun 2001. Ekoran penolakan rayuan defendan oleh Mahkamah Tinggi defendan telah membuat percubaan melalui usul bagi mendapatkan kebenaran dari Mahkamah Rayuan untuk mengemukakan rayuan ke Mahkamah Rayuan. Percubaan ini juga telah ditolak oleh mahkamah tersebut pada 22 Ogos 2002. Sementara itu permohonan defendan bagi suatu penggantungan pelaksanaan penghakiman telah ditolak pula oleh Mahkamah Sesyen pada 27 Jun 2002. Sebaik sahaja penolakan usul oleh Mahkamah Rayuan itu dan penolakan permohonan defendan untuk menggantung pelaksanaan penghakiman oleh Mahkamah Sesyen defendan telah, tanpa prejudis, mendepositkan ke dalam pejabat pendaftaran Mahkamah Tinggi Shah Alam sejumlah RM68,250 yang merupakan jumlah prinsipal di bawah penghakiman tersebut pada 23 Ogos 2002. Selang kira-kira sebulan kemudiannya, iaitu pada 27 September 2002 defendan telah membuat bayaran-bayaran tambahan pula, iaitu sejumlah RM6,019.50 dan RM90,980.05 yang masing-masing merupakan kos-kos dan faedah ke atas penghakiman tersebut yang juga telah dibayar tanpa prejudis.

[4] Pada pemerhatian mahkamah ini masalah yang telah timbul yang telah dihadapi oleh pihak-pihak dalam kes ini adalah berkisar di sekitar cara atau mekanisma yang telah digunakan oleh plaintif dalam menguatkuasa atau melaksanakan penghakiman tersebut. Segala-galanya adalah berpunca dari ketiadaan tempoh masa yang spesifik yang dinyatakan bagi pemulangan 195 gas silinder kosong dalam penghakiman bertarikh 20 Januari 1998 tersebut. Memandangkan ketiadaan tempoh masa dinyatakan dalam penghakiman tersebut plaintif telah menghantar notis bertulis bertarikh 22 Ogos 1998 kepada defendan mengkehendaki defendan menghantar-serah kepada plaintif 195 silinder gas kosong dalam tempoh tujuh hari, jika gagal, defendan dikehendaki membayar gantirugi berjumlah RM68,000 dengan faedah ke atasnya pada kadar 8% setahun dari 1 Februari 1986 hingga ke tarikh penyelesaian. Namun tiada pula apa-apa tindakan pelaksanaan yang telah diambil oleh plaintif untuk menguatkuasakan penghakiman yang telahpun mereka perolehi itu. Hanya

pada 28 Julai 2001 plaintif menunjukkan niat mereka untuk menguatkuasakan penghakiman tersebut dengan memfailkan writ penyitaan dan penjualan di Mahkamah Sesyen Shah Alam yang pada ringkasnya berhasrat menyita dan menjual harta alih defendan sebagai menjelaskan penghakiman bertarikh 20 Januari 1998 bagi pembayaran gantirugi bersekali dengan faedah dan kos. Namun tidak dapat dipastikan dari penelitian ke atas rekod rayuan apakah yang telah berlaku ke atas writ penyitaan dan penjualan tersebut tetapi apa yang jelas ialah defendan memaklumkan kepada plaintif pada 8 Ogos 2002 bahawa mereka bersedia untuk menghantar-serah silinder-silinder tersebut, tanpa prejudis, dan meminta plaintif menetapkan masa dan tempat bagi penghantar-serahan tersebut. Lantas plaintif memberikan jawapan bertulis bertarikh 13 Ogos 2002 menolak penerimaan defendan untuk menghantar-serah silinder-silinder tersebut. Plaintif sebaliknya mengkehendaki defendan membayar gantirugi bersekali dengan faedah dan kos.

[5] Defendan, dalam rayuan ini menghujahkan, antara lain, bahawa plaintif tidak mempunyai opsyen untuk memilih supaya dibayar gantirugi sebagai ganti penghantar-serahan silinder-silinder kerana opsyen tersebut sebenarnya adalah opsyen defendan yang berkebebasan memilih sama ada memulangkan silinder-silinder ataupun sebagai alternatif membayar gantirugi nilai silinder-silinder berjumlah RM68,250 sebagai jumlah prinsipal dalam penghakiman berserta kos RM6,019.50. Opsyen membayar gantirugi itu pula adalah tanpa sebarang faedah memandangkan pembayaran faedah telahpun disekat oleh had masa yang telahpun melampaui tempoh enam tahun sejak tarikh penghakiman 20 Januari 1998 di bawah peruntukan s. 6(3) Akta Had Masa 1953.

Seksyen 6(3) tersebut berbunyi:

> ... no arrears of interest in respect of any judgment debt shall be recovered after the expiration of six years from the date on which the interest became due.

[6] Memandangkan tempoh enam tahun itu adalah bermula dari tarikh penghakiman diumumkan, iaitu sejak 20 Januari 1998 sebarang pelaksanaan penghakiman oleh plaintif bagi mendapatkan pembayaran faedah tersebut telahpun terhalang oleh had masa pada 20 Januari 2004 dan seterusnya, iaitu dengan luputnya tempoh enam tahun sebagaimana yang telah dinyatakan di bawah s. 6(3) tersebut.

[7] Di samping itu juga memandangkan ketiadaan tempoh masa yang spesifik dinyatakan dalam penghakiman bertarikh 20 Januari 1998 plaintif tidak boleh dengan sesuka hatinya sendiri menetapkan suatu tempoh masa untuk mereka mengarahkan defendan menghantar-serah silinder-silinder dan/atau menolak penghantar-serahan tersebut dengan mengkehendaki bayaran gantirugi pula sebagai ganti dan dengan yang

demikian telah mencedok bidangkuasa mahkamah yang sepatutnya dipohon kebenaran terlebih dahulu kepadanya (mahkamah) bagi menentukan tempoh masa yang difikirkan adil dan munasabah.

[8] Mahkamah ini telahpun meneliti secara terperinci peruntukan prosedur sivil terutama sekali A. 30 Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 (KMR 1980), iaitu peruntukan bagi melaksanakan sesuatu penghakiman atau perintah di Mahkamah Rendah yang berhubungkait dengan penghantar-serahan harta alih melalui writ penghantar-serahan atau writ penghantar-serahan spesifik. Menurut perspektif yang digariskan di bawah KMR 1980, iaitu A. 30 k. 4 adalah merupakan peruntukan bagi mengeluarkan writ penghantar-serahan harta alih yang menggunakan Borang 79. Ini adalah merupakan writ penghantar-serahan umum. Manakala writ penghantar-serahan spesifik pula adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah A. 31 k. 4(1)(a) KMR 1980, iaitu suatu writ untuk mendapatkan semula harta alih tanpa peruntukan alternatif bagi mendapatkan semula nilai tertaksir harta alih berkenaan. Ciri-ciri selanjutnya writ penghantar-serahan spesifik ini adalah memandangkan jika penguatkuasaan penghakiman untuk melakukan atau menahan diri daripada melakukan sesuatu perbuatan, ketakpatuhan boleh mengakibatkan Perintah Komital dikeluarkan oleh mahkamah terhadap defendan, plaintif boleh memasukkan peruntukan bagi menguatkuasakan pembayaran mana-mana wang yang dihakimi atau diperintahkan supaya dibayar oleh penghutang penghakiman (defendan) kepada pemiutang penghakiman (plaintif).

[9] Pada pemerhatian mahkamah ini plaintif perlu terlebih dahulu memohon kebenaran kepada Mahkamah Sesyen untuk mengeluarkan writ penghantar-serahan spesifik bagi penghantar-serahan silinder-silinder gas kosong dengan mahkamah menetapkan suatu tempoh masa kepada defendan menghantar-serah silinder-silinder gas kosong tersebut kepada plaintif di mana perintah yang menentukan tempoh masa tersebut boleh dikuatkuasakan melalui prosiding komital terhadap kegagalan defendan berbuat demikian. Jelasnya, plaintif tidak boleh memasukkan tempoh masanya yang tersendiri tanpa memohon kebenaran mahkamah terlebih dahulu bagi tujuan menguatkuasakan penghakiman tersebut. Seterusnya pemfailan writ penyitaan dan penjualan tersebut oleh plaintif adalah juga suatu tindakan melangkau prosedur (procedural lapse) sedangkan prosedur yang sepatutnya adalah melalui writ penghantar-serahan spesifik bagi penghantar-serahan silinder-silinder gas kosong sejajar dengan terma-terma dalam penghakiman tersebut (Lihat *Bal Mukunda v. BN Rly* ILR 55 Cal 26: 1927 Cal 652). Fakta dalam rayuan ini adalah amat jelas sekali, iaitu defendan bukan sahaja bersetuju memulangkan silinder-silinder tersebut malahan telah menunjukkan kesungguhan mereka untuk mematuhi terma-terma dalam penghakiman bertarikh 20 Januari 1998

dengan memaklumkan kepada plaintif supaya mencadangkan tarikh, masa dan tempat bagi defendan menghantar-serah 195 silinder-silinder sebagaimana yang telahpun dihakimi dalam penghakiman Mahkamah Sesyen itu. Dengan yang demikian, persetujuan defendan itu hendaklah dianggap telah mematuhi terma-terma dalam penghakiman bertarikh 20 Januari 1998 tersebut dan selanjutnya mereka berhak, melalui permohonan mereka di Mahkamah Sesyen bertarikh 8 Oktober 2002, bagi suatu perintah bahawa penjelasan penghakiman bertarikh 20 Januari 1998 dicatatkan ke dalam Buku Kausa Mahkamah Sesyen Shah Alam. Ini adalah sejajar dengan prosedur sivil di mahkamah rendah sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah A. 31 k. 11 KMR 1980 yang berbunyi:

> 10 (1) Any person who has satisfied a judgment debt may on filing a consent of the judgment creditor in Form 84 apply to the court for satisfaction to be entered in the Cause Book and the court may order satisfaction to be entered accordingly.
>
> 11 (1) If a judgment creditor refuses or neglects to give such consent when requested, or cannot be found, the judgment debtor may apply to the court for an order that satisfaction be entered.
>
> (2) Notice of the application must be served on the judgment creditor.
>
> (3) If on such application the court is satisfied that the judgment debt has been satisfied and that the judgment creditor has no reasonable ground for refusing or neglecting to give such consent, the court may order that satisfaction be entered in the Cause Book and that the judgment creditor pay the costs of and incidental to the application.

[10] Adalah jelas bahawa plaintif tidak mempunyai opsyen untuk menolak penghantar-serahan slinder-silinder tetapi memilih bayaran gantirugi pula. Tiada sebarang peruntukan undang-undang ataupun mana-mana nas yang disandarkan oleh plaintif bagi penghujahan sedemikian di samping terma-terma dalam penghakiman yang telahpun sedia jelas menyatakan bahawa hanya jika defendan gagal menghantar-serah silinder-silinder barulah defendan berkebebasan membayar gantirugi. Fakta sebagaimana yang telah diutarakan tadi adalah jelas menunjukkan bahawa defendan tidak pernah gagal berbuat demikian.

[11] Pada pemerhatian mahkamah ini defendan telahpun menjalankan segala yang harus dilakukan dalam kuasanya untuk menjelaskan penghakiman tersebut namun segala usaha-usaha defendan itu telah dihalang oleh plaintif yang bulat-bulat enggan menerima penghantar-

serahan silinder-silinder tersebut. Tindak-tanduk plaintif yang sedemikian itu samalah sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah Akta Kontrak 1950 di mana s. 68 menyatakan bahawa:

> If any promisee neglects or refuses to afford the promisor reasonable facilities for the performance of his promise, the promisor is excused by the neglect or refusal as to any non-performance caused thereby.

[12] Maka dengan yang demikian pada kesimpulannya, adalah jelas bahawa berdasarkan alasan-alasan yang telah diutarakan di atas tadi mahkamah mendapati bahawa Hakim Mahkamah Sesyen yang arif telah khilaf di sisi undang-undang dalam membuat perintah menolak notis permohonan defendan, dan justeru itu mahkamah ini tiada pilihan lain kecuali mengenepikan Perintah Mahkamah Sesyen tersebut bertarikh 1 Julai 2003 dan membenarkan rayuan ini dengan kos di sini dan di mahkamah bawah. Seterusnya mahkamah ini juga membuat perintah sampingan (consequential order), iaitu memerintahkan responden memulangkan kepada perayu wang-wang yang telah dibayar kepada peguamcara responden selaku 'stakeholder' yang masing-masing berjumlah RM68,250 berserta faedah pada kadar 8% setahun daripada 23 Ogos 2002 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan RM90,980.05 berserta faedah ke atasnya pada kadar 8% setahun daripada 27 September 2002 sehingga tarikh penyelesaian penuh.